

UJIAN PENTAKSIRAN TAHUN 5

BAHAGIAN A

Bulatkan jawapan yang betul. (20 markah)

1. Pada zaman Kerajaan Melayu Awal, _____ merupakan ketua kerajaan.
 - A. Sultan
 - B. Rakyat
 - C. Kerajaan
 - D. Tanah
2. Siapakah ketua negara Malaysia
 - A. Yang di-Pertuan Agong
 - B. Raja
 - C. Sultan
 - D. Majlis raja-raja
3. Yang di-Pertuan Agong yang dipilih memegang jawatan tersebut selama _____ tahun.
 - A. Tiga
 - B. Empat
 - C. Lima
 - D. Enam
4. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam _____
 - A. Sistem pemerintahan
 - B. Majlis raja-raja
 - C. Perlembagaan persekutuan
 - D. Istiadat pertabalan
5. Mengapakah tiada lagu yang dipilih daripada pertandingan mencipta lagu kebangsaan yang diadakan?
 - A. Tiada lagu yang dipertandingkan di dalam pertandingan tersebut.
 - B. Tokoh-tokoh tidak sepakat untuk memilih lagu kebangsaan.
 - C. Majlis Raja-Raja Bersatu tidak setuju dengan keputusan.
 - D. Panel hakim mendapati tiada lagu yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan.

6.



Apakah makna lambang tersebut di dalam bendera Malaysia?

- A. Mewakili Islam sebagai agama Persekutuan
- B. Melambangkan keberanian
- C. Mewakili warna bendera bekas Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
- D. Mewakili bekas Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

7. Apakah agama rasmi Persekutuan Malaysia?

- A. Hindu
- B. Kristian
- C. Buddha
- D. Islam

8. Yang manakah antara berikut, merupakan cogan kata yang terdapat pada Jata Negara?

- A. Berilmu, Berakhlak dan Beramal
- B. Bersekutu Bertambah Mutu
- C. Bersatu, Beramal dan Berbakti
- D. Selamat, Maju, Jaya

Soalan 9 adalah berdasarkan gambar di bawah.



9. Nama binaan ini ialah _____.

- A. mihrab
- B. menara
- C. mimbar
- D. mahrib

10. Apakah fungsi bendera kebangsaan?
- A. Simbol peluasan
 - B. Simbol keriangian
 - C. Simbol penyatuan
 - D. Simbol penjajahan
11. Berapakah jalur merah dan putih yang terdapat pada bendera Kebangsaan?
- A. 11
 - B. 12
 - C. 13
 - D. 14

Soalan 12 adalah berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu telah berkembang sebagai *lingua franca*.

12. Apakah maksud *lingua franca*?
- A. bahasa percakapan seharian masyarakat
 - B. bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi negara
 - C. bahasa yang digunakan dalam penulisan surat-surat rasmi negara
 - D. bahasa perantaraan dan perhubungan antara masyarakat yang berlainan bahasa
13. Apakah nama bendera kebangsaan Malaysia?
- A. Jalur Cahaya
 - B. Jalur Terbilang
 - C. Jalur Gemilang
 - D. Jalur Cemerlang

14. Pernyataan berikut berkaitan dengan maksud warna yang terdapat pada bendera kebangsaan.

"Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum"

Apakah warna yang dimaksudkan?

- A. Biru
 - B. Putih
 - C. Merah
 - D. Kuning
15. Bagaimanakah keadaan bendera semasa berkabung?
- A. Suku tiang
 - B. Separuh tiang
 - C. Meleret ke tanah
 - D. Diturunkan sepenuhnya
16. Apakah nama lagu kebangsaan Malaysia?
- A. Jalur Gemilang
 - B. Bulan Terang
 - C. Negaraku
 - D. Aku Negaraku
17. Apakah perasaan anda apabila menyanyikan lagu kebangsaan kita?
- A. Sedih
 - B. Bangga
 - C. Malu
 - D. Tiada rasa apa-apa
18. Mengapakah kita perlu berbangga dengan lagu kebangsaan kita?
- A. Menjadikannya bahan jenaka antara rakan-rakan.
 - B. Supaya semangat patriotik kita berkurangan.
 - C. Orang luar dapat mengagumi negara kita.
 - D. Merupakan lambang identiti negara.

19. Pemilihan lagu kebangsaan dibuat melalui
- A. Pertandingan mencipta lagu
 - B. Tender terbuka
 - C. Tender tertutup
 - D. Memilih lagu lama
20. Apakah etika menyanyikan lagu kebangsaan?
- A. Bergerak-gerak
 - B. Bercakap-cakap
 - C. Berdiri tegak
 - D. Menyanyikan dengan sambil lewa

BAHAGIAN B

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. (6 markah)


Portugis	perpaduan	Jepun	bumi	gelas
lingua franca				

1. Raja menjadi lambang _____ rakyat kerana penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.
2. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu telah menjadi _____
3. Perkataan _____ adalah kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris.
4. Negara kita telah dijajah oleh banyak kuasa luar seperti Belanda, Portugis, British, Siam dan _____.
5. Faktor utama yang mendorong kedatangan kuasa luar untuk menjajah negara kita ialah kerana kekayaan hasil _____ yang kita miliki.
6. _____ menjajah Melaka untuk menguasai perdagangan rempah dan menyebarkan agama Kristian.

BAHAGIAN B

Padankan gambar kesenian Islam yang terdapat di Malaysia. (4 Markah)

1.



Gambus

2.



Masjid Putra

3.



Corak geometri

4.



Tulisan khat

BAHAGIAN D

Tuliskan **BETUL** bagi pernyataan yang betul dan **SALAH** bagi pernyataan yang salah. (10 markah)

1. Yang di-Pertuan Agong yang dilantik mengikut sistem giliran merupakan Ketua Negara Malaysia.	
2. Institusi Raja mula muncul pada era penjajahan British di Tanah Melayu.	
3. Sistem pentadbiran berlandaskan Islam di Melaka telah mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakatnya.	
4. Lingua Franca ialah bahasa perantaraan antara masyarakat yang berlainan bahasa.	
5. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Inggeris telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang.	

Kertas soalan tamat

Disediakan oleh,
Mohd Zaidi Abd Lazak
Guru Sejarah